

TARIKH: 6/9/23
SURAT KHABAR: Kosmo
MUKA SURAT: 15



NORA (tiga dari kiri) menyampaikan sebuah peralatan perniagaan kepada Kamarudin (tiga dari kanan) di rumahnya di Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam. — ROSLIZA MOHAMED

Sebak terima alatan berniaga Perkeso, TH

KOTA BHARU — Seorang penghidap diabetes yang sudah dipotong kaki kanannya sebak selepas menerima peralatan perniagaan bernilai RM4,000 untuk kedai runcitnya hasil sumbangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Lembaga Tabung Haji (TH).

Kamarudin Mohd. Din, 52, berkata, sumbangan peralatan berupa alat pengisar, peti sejuk beku dan peti simpanan itu akan digunakan untuk jualan pelbagai jenis jus buah-buahan, air kotak, air tin selain air mineral di kedainya.

Menurutnya, sumbangan itu dapat membantu dia mengembangkan prospek perniagaan kedai runcit yang diusahakan.

"Sebelum ini, saya bekerja sebagai penguji makanan di sebuah syarikat serbuk perisa di ibu negara. Selepas itu, saya berpindah dan bekerja di sebuah pasar raya di Kubang Kerian, di sini.

"Saya terpaksa berhenti kedua-dua kerja tersebut akibat penyakit diabetes kronik sebelum mengambil keputusan untuk membuka kedai runcit kira-kira tiga tahun lalu.

"Saya hidap kencing manis

sejak 12 tahun lalu sehingga kaki kanan terpaksa dipotong pada Mei 2022. Ia menyebabkan saya kemurungan hampir setahun dan perlu memakai kaki palsu bermula Februari lalu," katanya ketika ditemui di Taman Sabariah, Pengkalan Chepa, di sini semalam.

Katanya, dia bersyukur kerana ada pihak sudi membandunya yang memerlukan bantuan untuk menambahkan pendapatan bulanan bagi menyara isteri, Husyarmila Shafie, 52, bersama dua anak berusia 21 tahun dan seorang lagi berusia 15 tahun yang merupakan orang kelainan upaya (OKU).

Ujarnya, kekangan kesihatan itu melayakkannya menerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450 sejak Januari lalu.

"Bantuan JKM itu dapatlah tempung kos anak perempuan sulung yang akan sambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda tak lama lagi," katanya.

Pengarah Perkeso Kelantan, Nora Yaacob berkata, seramai 1,723 Orang Berinsurans (OB) di seluruh negeri seperti Kamarudin telah dibantu menerusi program Return to Work (RTW).